

14 MAR 2002

FBI-Malaysia/I

TIDAK TEPAT UNTUK KATAKAN M'SIA TEMPAT PELANCARAN SERANGAN 11 SEPT - FBI

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat tidak menganggap Malaysia sebagai tempat pelancaran bagi pengganas yang terlibat dalam serangan 11 Sept ke atas New York dan Washington, kata Pengarahnya Robert S. Mueller hari ini.

Satu laporan yang mendakwa bahawa Malaysia merupakan tempat pelancaran utama bagi kejadian itu yang telah membunuh beribu orang adalah tidak tepat, katanya pada sidang media bersama dengan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia di Bukit Aman di sini.

"Terdapat beberapa negara di mana pengganas berkenaan telah mengadakan perjumpaan dan merancang dan untuk menggunakan perkataan "tempat pelancaran" pastinya tidak tepat," katanya.

Mueller, yang berada di sini bagi siri lawatan ke negara-negara Asia Pasifik, diminta mengulas satu artikel majalah Newsweek bulan lepas yang memetik satu laporan rahsia FBI yang mendakwa bahawa Malaysia merupakan tempat pelancaran utama operasi bagi serangan itu.

Pengarah FBI itu sebelum itu mengunjungi Norian dan menghabiskan masa kira-kira sejam membincangkan pelbagai perkara melibatkan kedua-dua negara. Turut hadir ialah Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia Marie T. Huhtala.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini menyatakan bahawa pada hakikatnya Amerika Syarikat yang merupakan tempat pelancaran sebenar bagi serangan pengganas 11 Sept kerana orang yang melakukan serangan itu telah mendapat latihan dan merancang serangan itu di negara berkenaan.

Mueller juga berkata bahawa beliau dan Norian telah mencapai persefahaman bahawa sesuatu perjumpaan atau beberapa perjumpaan di antara pengganas berkenaan mungkin telah diadakan di Malaysia dan juga di Jerman atau di negara-negara lain.

Ditanya mengenai kemungkinan FBI akan memohon bagi ekstradisi Yazid Sufaat, seorang ahli perniagaan Malaysia dan bekas kapten tentera, pengarah FBI itu enggan mengulas lanjut.

"Saya tidak datang ke sini (Malaysia) dengan sebarang kertas (ekstradisi)," katanya, dan menurutnya Amerika Syarikat akan memohon ekstradisi bagi suspek jika perkara itu merupakan paling sesuai dilakukan.

Yazid Sufaat didakwa telah mengadakan satu perjumpaan di kondominiumnya di Kuala Lumpur dengan dua lelaki (yang merempuh bangunan Pentagon di Washington dengan pesawat Boeing).

Pihak berkuasa Malaysia telah menahan Yazid dan 12 yang lain atas dakwaan merancang untuk menjatuhkan kerajaan dengan cara keganasan.

Mueller juga mengulangi pendirian Amerika Syarikat bahawa perang menentang keganasan yang dilancarkan oleh negara itu bukan mensasarkan agama atau budaya tertentu.

"Kami tidak membenci orang Islam," katanya dan menurut beliau terdapat sejumlah besar warga Arab-Amerika serta masyarakat Malaysia yang tinggal di negaranya.

Pengarah FBI itu menyatakan bahawa sejak 11 Sept, pejabatnya telah membuka 325 penyiasatan berhubung serangan ke atas orang Islam Amerika manakala pihak berkuasa tempatan negara itu telah memulakan pendakwaan terhadap 85 individu bagi kesalahan melakukan jenayah ke atas masyarakat itu.

Mengenai tujuan lawatan beliau ke Asia Pasifik, Mueller berkata ia untuk menyelaraskan usaha masa depan untuk memerangi keganasan dan menjalin

hubungan dengan pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang di rantau itu.

Beliau berkata usaha memerangi keganasan bukan hanya menjadi tanggungjawab sebuah negara atau sebuah agensi sahaja tetapi tanggungjawab masyarakat global.

Oleh itu, beliau berkata negara-negara di rantau ini perlu saling bekerjasama melalui sistem kehakiman mereka sendiri untuk memerangi keganasan.

Mengenai kerjasama antara FBI dan Polis Malaysia, beliau berkata kedua-dua agensi telah menjalin hubungan rapat sebelum kejadian 11 Sept lagi.

"Sejak sekian lama, FBI telah menjalin hubungan rapat dengan Polis Diraja Malaysia... hubungan yang sangat baik dan sejak 11 Sept, ia (hubungan) semakin kukuh," kata Mueller.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana telah melahirkan rasa simpati kepada mangsa serangan 11 Sept.

Sementara itu, Norian berkata dalam pertemuannya dengan Mueller, kedua-dua pihak berpeluang bertukar-tukar pandangan serta berbincang cara meningkatkan kerjasama terutamanya dalam isu berkaitan peristiwa 11 Sept.

Perbincangan turut menyentuh mengenai kemungkinan polis Malaysia mendapatkan bantuan Biro Siasatan Persekutuan Amerika Syarikat dalam bidang siasatan saintifik.

-- BERNAMA

MHI MAD RM RHM